



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 9 TAHUN 2025

PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) : BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN PELAJAR

Pejabat Bendahari

14 November 2025

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (71)

14 November 2025

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 9/2025

PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) : BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN PELAJAR

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bagi memaklumkan mengenai pindaan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang berkuat kuasa di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sejak tahun 2001 hingga kini, Universiti telah mengguna pakai peraturan Kerajaan melalui Pekeliling, Surat Pekeliling dan Surat Arahan Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- 2.2 Edisi pertama PKPU telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2012 dan diedarkan melalui Pekeliling Bendahari Bil. 11/2012.
- 2.3 Edisi kedua pula telah dikemaskini dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2019 pada 15 Ogos 2019 serta diedarkan melalui Surat Pekeliling Kewangan Bil. 5/2019 bertarikh 23 Oktober 2019.

2.4 Penambahbaikan seterusnya bagi edisi ketiga telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2022 pada 5 Julai 2022 dengan mengambil kira pindaan oleh Perbendaharaan serta keperluan penambahbaikan proses di UTeM.

2.5 Penambahbaikan terkini bagi edisi keempat ini merangkumi keseluruhan aspek tadbir urus kewangan pelajar perdana serta pelajar pendidikan lanjutan dengan pecahan seperti berikut :

2.5.1 Bab A : Pengurusan Kewangan Pelajar Perdana

2.5.2 Bab B : Pengurusan Kewangan Pelajar Pendidikan Lanjutan & Berterusan

3.0 PENAMBAHBAIKAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU)

3.1 Pengemaskinian dan penambahbaikan pengurusan kewangan pelajar adalah mengikut skop seperti berikut:

3.1.1 Peraturan Umum merangkumi topik seperti berikut:

a) Yuran Pengajian dan Yuran-yuran Lain Serta Caj

i Menetapkan kadar yuran pengajian bagi pelajar prasiswazah dan pascasiswazah. Sebarang perubahan struktur yuran adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Melulus Universiti.

b) Status Pelajar

i. Status pelajar di universiti dikategorikan kepada dua kumpulan utama iaitu **pelajar aktif** dan **pelajar tidak aktif** sebagai perbezaan status semasa pelajar atas keperluan akademik, kewangan dan pentadbiran Universiti.

c) Pengurusan Terimaan Pelajar

- i. Menetapkan kaedah bayaran dan terimaan yuran pengajian bagi memastikan transaksi kewangan pelajar dijalankan secara teratur, selamat dan mematuhi prosedur kewangan universiti.
- ii. Penetapan tempoh bayaran yuran pengajian bagi memastikan pelajar menjelaskan tanggungan kewangan dalam jangka masa yang ditentukan oleh universiti.
- iii. Penetapan syarat pengurangan kadar yuran pengajian untuk peringkat pengajian pascasiswazah.

d) Pengurusan Pembayaran Pelajar

- i. Menetapkan syarat permohonan tuntutan bayaran balik yang boleh dikemukakan oleh pelajar.

e) Pengurusan Biasiswa dan Pinjaman Pelajar

- i. Menetapkan tatacara penyelarasan, pengesahan dan pemantauan penerima biasiswa dan pinjaman bagi memastikan ketelusan serta ketepatan rekod serta transaksi kewangan pelajar.
- ii. Skim pembiayaan alternatif selain daripada biasiswa atau pinjaman agensi Kerajaan bagi membantu sokongan kewangan tambahan dalam pembayaran yuran pengajian.

- iii Tadbir urus pinjaman jangka pendek bagi membantu pelajar yang menghadapi kesulitan perbelanjaan penting berkaitan pengajian.
- f) Pengurusan Hutang Pelajar
- i Menetapkan tanggungjawab pelajar terhadap hutang yuran pengajian mengikut jadual yuran semester akademik termasuk pemantauan baki hutang dan pematuhan prosedur kewangan.
 - ii Tindakan tatatertib atau sekatan boleh dikenakan oleh Universiti atas kegagalan pelunasan hutang semester pengajian.
- g) Program Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*ODL*)
- i. Menjelaskan fleksibiliti akses pendidikan tinggi khusus kepada golongan bekerja, lokasi penempatan jarak jauh dari kampus atau kepentingan komitmen tugas yang lain melalui platform digital, modul dalam talian dan sesi interaktif jarak jauh.
- h) *Personal Bond*
- i. Menetapkan keperluan dan kepentingan bayaran *Personal Bond* oleh pelajar antarabangsa mengikut kadar yang ditetapkan mengikut kadar negara asal.

3.1.2 Kadar Yuran adalah mengikut program pengajian seperti berikut:

- a) Perdana
- b) Separa Masa
- c) Laluan Terbuka
- d) Antarabangsa
- e) Pesisir Dalam Negara
- f) Pesisir Luar Negara
- g) Francais
- h) Eksekutif
- i) Lain-lain program yang diluluskan

4.0 PEMAKAIAN

4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.

4.2 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu <https://pkpu.utem.edu.my/index.php/>

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,


SABARINA BINTI ABDULLAH
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

NBY/pindaanPKPUMHK/2025